

PM: Bersara sukarela jika tidak mampu

Oleh AHMAD KAMAL ZAILANI

KUALA LUMPUR 10 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu wakil-wakil rakyat yang merasakan diri mereka tidak boleh lagi memberi sumbangan supaya bersara dengan sukarela.

Perdana Menteri berkata, mereka yang tidak boleh lagi menyumbang sepatutnya berundur diri tanpa menimbulkan masalah.

"Setakat ini, terdapat beberapa orang wakil rakyat telah membayangkan kepada saya bahawa mereka sanggup berundur tanpa menimbulkan masalah, sekiranya diminta," kata Dr. Mahathir pada satu sidang akhbar selepas majlis perasmian memorial Tunku Abdul Rahman Putra di sini hari ini. (**lihat muka 3**).

Perdana Menteri ditanya tentang keputusan Dr. Abdul Hamid Pawan Teh mahu melepaskan jawatan Menteri Besar Perlis selepas pilihanraya akan datang.

Semalam, Dr. Abdul Hamid, yang menjadi Menteri Besar pada tahun 1986 berkata, keputusannya mahu bersara adalah muktamad.

Beliau berkata, perkhidmatannya selama lapan tahun sebagai Menteri Besar sudah sampai pada kemuncaknya dan berpuas hati dengan perubahan yang dibawa di negeri itu.

Sebelum menjadi Menteri Besar, Dr. Abdul Hamid adalah Timbalan Speaker Dewan Rakyat.

Kepada satu pertanyaan, Perdana Menteri melahirkan rasa kagum dengan sikap Dr. Abdul Hamid yang tidak berhasrat untuk menjadi Menteri Besar semumur hidup.

Beliau menegaskan, Dr. Abdul Hamid telah menunjukkan satu sikap yang baik apabila menyatakan hasrat mahu bersara selepas pilihanraya akan datang.

Perdana Menteri juga memberitahu, Dr. Abdul Hamid telah meminta supaya dibenarkan bersara selepas pilihanraya.

Bagaimanapun, kata Dr. Mahathir, beliau belum membuat keputusan muktamad.

"Dr. Abdul Hamid telah menjelaskan bahawa dia telah membuat sumbangan setakat yang dia mampu. Pada pendapatnya, elok orang lain ambilalih," kata beliau.

Ahad lalu, Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Sakaran Dandai juga menawarkan diri untuk melepaskan jawatan bagi memberi ruang kepada pemimpin muda yang berkeupayaan.

Kata Sakaran, beliau sudah lama berjuang iaitu sejak merdeka dan masa depan Sabah pula memerlukan pembaharuan bagi menghadapi era pembangunan yang lebih mencabar.